

**PAS tidak menentang Najib tetapi dasar pemerintahan
Free Malaysia Today
Jun 12, 2016
Adam Abu Bakar**

Dakwaan Dr Mahathir bahawa Hadi mengambil dedak adalah tidak benar.

SEKINCHAN: Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengaku ada bertemu dengan Tun Dr Mahathir Mohamad dan telah dijelaskan tentang kesalahan Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, Hadi berpendirian bahawa beliau bukan menentang individu sebaliknya konsep pemerintahan yang dibawa oleh Najib.

“Betul (perjumpaan Hadi dengan Mahathir). Tetapi saya sudah tidak ingat bila, dalam dua atau tiga bulan lepas.

“PAS tidak menentang individu, kita menentang pendekatan, konsep dan dasar yang digunakan oleh mereka.

“Kalau orang itu (perdana menteri) diubah, dasarnya masih sama bermakna tiada perubahan,” katanya kepada pemberita selepas bertemu dengan pengundi berbangsa Cina, hari ini.

Dalam pada itu, Hadi juga menafikan sekeras-kerasnya dakwaan Dr Mahathir bahawa beliau mengambil dedak.

“Pasal dedak ini siapa yang ajar bagi dedak dulu, siapa yang ajar?

“PAS boleh terus melangsungkan perjuangan tanpa ada politik wang atau politik BR1M,” tegasnya.

Sebelum ini, Mahathir sewaktu siri jelajah di Kuala Kangsar menyatakan pernah bertemu dengan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang secara peribadi untuk menjelaskan tentang kesalahan Najib dan mendakwa Hadi mengakui kebenarannya.

“Saya bagi penjelasan mendalam tentang kesalahan Najib; tentang Najib pada kuasa asing, tubuh 1MDB dan selewengkan duit. Semua ini membazirkan duit rakyat.

“Dia mengaku ada kebenarannya. Tetapi oleh kerana tinggal keseorangan dia berpihak kepada Najib. Kini perjuangan PAS untuk pertahankan Najib,” kata Dr Mahathir.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/12/pas-tidak-menentang-najib-tetapi-dasar-pemerintahan/>